



**YB TUAN BARU BIAN
MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN
JELAJAH TVET PEMBINAAN – EDISI TERENGGANU &
PERTANDINGAN WSMB**

**PADA
19 OKTOBER 2019**

**DI
AKADEMI BINAAN MALAYSIA WILAYAH TIMUR**

Selamat Sejahtera, Salam Sayangi Malaysiaku,

1. Saya berbesar hati kerana dapat bersama-sama hadir di Majlis Perasmian Jelajah TVET Pembinaan Edisi Terengganu, sempena dengan Pertandingan WorldSkills Malaysia Belia (WSMB) 2019 di Akademi Binaan Malaysia Wilayah Timur.
2. Pertama sekali ingin saya rakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada pegawai-pegawai Kementerian Kerja Raya, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Timur, selaku penyelaras utama, serta semua pegawai dan kakitangan daripada pelbagai agensi dan jabatan merangkumi tenaga pakar, pengajar, hakim dan peserta termasuklah penaja-penaja pertandingan yang telah bersama-sama menjayakan penganjuran Pertandingan WorldSkills Malaysia Belia (WSMB) 2019 Peringkat Akhir.
3. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada pihak CIDB Malaysia kerana berjaya mengadakan siri program Jelajah TVET Pembinaan ini bagi mempromosi program-program dalam bidang Pendidikan, Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Senario Kepentingan TVET Kepada Negara

Para hadirin sekalian,

4. Pembangunan modal insan adalah sumber penting dalam memacu dan mengekalkan pembangunan negara. Oleh itu, TVET kini menjadi salah satu pemacu utama dalam usaha Kerajaan untuk memperkasakan pembangunan modal insan dan melahirkan tenaga kerja tempatan berkemahiran tinggi.
5. Menerusi kaedah pembelajaran atau bimbingan kemahiran sebegini, generasi-generasi pelapis akan dipersiapkan dengan ilmu dan kemahiran yang khusus mengikut minat dan kebolehan masing-masing. Sekaligus, mereka dapat

memanfaatkan peluang-peluang yang wujud pada masa akan datang dan berdaya tahan dalam mengharungi cabaran Revolusi Industri 4.0.

6. Seperti yang diumumkan di dalam pembentangan Belanjawan 2020 baru-baru ini, Kerajaan Persekutuan akan memperkenalkan program #WatanKerja (Locals@Work) sebagai insentif yang dapat mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah. Melalui program ini, warganegara yang menggantikan pekerja asing akan diberikan insentif gaji selama dua tahun sebanyak RM350 atau RM500 setiap bulan bergantung kepada sektor. Manakala, majikan pula akan menerima insentif pengambilan sebanyak RM250 sebulan dalam tempoh yang sama.
7. KKR juga menyambut baik fokus kerajaan dalam menyediakan insentif bagi menggalakkan pengambilan Perantis di dalam bidang TVET. Perkara ini dilihat mampu meningkatkan lagi penglibatan belia tempatan di dalam bidang TVET berimpak tinggi, khususnya berkaitan dengan industri pembinaan.
8. Suka saya menyatakan bahawa Kerajaan hari ini akan terus komited untuk memartabatkan bidang kemahiran dengan mengangkat TVET sebagai pilihan yang diterima masyarakat umum. Bagi industri pembinaan khususnya, pembangunan personel binaan merupakan salah satu inisiatif penting di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) menerusi Teras Strategik Produktiviti.
9. Justeru, KKR menerusi CIDB Malaysia dan ABM, terus komited dalam menyokong usaha Kerajaan untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam sektor pembinaan dengan menerapkan teknologi terkini dalam latihan-latihan kemahiran, selaras dengan keperluan pembangunan negara yang telah dikenal pasti dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) di mana peningkatan kemahiran tenaga kerja adalah kritikal dalam memastikan negara dapat meningkatkan daya produktiviti.

Pertandingan Worldskills Malaysia Belia (WSMB)

Pada hadirin sekalian,

10. Seperti yang anda sedia maklum, WSMB ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh KKR bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia sejak tahun 2010.
11. KKR dan KSM bekerjasama menganjurkan pertandingan kemahiran ini bagi mencungkil dan menggilap bakat kemahiran belia untuk pertandingan kemahiran peringkat antarabangsa khususnya Pertandingan Kemahiran ASEAN (ASEAN Skills Competition – ASC), World Skills Asia (WSA) dan Pertandingan Kemahiran Sedunia (World Skills Competition – WSC).
12. KKR merupakan urusetia bagi 12 bidang kemahiran sektor pembinaan iaitu *welding, electrical installations, plumbing & heating, bricklaying, painting & decorating, joinery, wall & floor tiling, refrigeration & air conditioning, mechanical engineering (CAD), landscape gardening, plastering & drywall systems* dan *carpentry*.
13. Pertandingan ini dibuka kepada belia berusia 18 hingga 21 tahun dan ianya terbahagi kepada dua peringkat iaitu pra-kelayakan dan akhir. Tahun ini, peringkat pra-kelayakan telah diadakan pada bulan April yang lalu dan melibatkan seramai 360 orang peserta. Daripada jumlah tersebut, hanya 134 orang sahaja yang terpilih ke peringkat akhir yang mana peserta yang terbaik dalam setiap bidang kemahiran akan dipilih untuk mewakili Negara di peringkat ASEAN dan seterusnya peringkat dunia.

Jelajah TVET Pembinaan Edisi Terengganu

Pada hadirin sekalian,

14. Jelajah TVET Pembinaan Edisi Terengganu ini dilancarkan tepat pada waktunya iaitu bersempena dengan WSMB. Kelangsungan Program TVET

Pembinaan yang diperkenalkan oleh CIDB ini sememangnya penting untuk melengkapkan dan melahirkan lebih banyak tenaga mahir tempatan, khususnya dalam kalangan belia dari luar bandar. Menerusi program ini, golongan belia dilengkapkan dengan ilmu kemahiran bagi memenuhi keperluan pasaran kerja semasa, sekaligus dapat mengurangkan kebergantungan negara terhadap pekerja-pekerja asing.

15. Saya amat berbangga dengan pencapaian CIDB dalam mewujudkan program latihan yang sangat relevan dan berprestasi tinggi menerusi ABM, terutama sekali dari segi penumpuan kepada latihan di dalam bidang kemahiran yang berimpak tinggi. Bidang ini merupakan bidang yang mempunyai permintaan tinggi di dalam industri kritikal negara dan juga menawarkan pendapatan yang lumayan bagi penyediaan perkhidmatan dalam bidang tersebut.
16. Saya berbesar hati kerana secara keseluruhannya lebih daripada lebih 250 ribu belia dan personel binaan di seluruh negara telah menerima manfaat daripada program latihan yang dilaksanakan oleh CIDB ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 11,472 belia dan 26,688 personel binaan telah dilatih di ABM Wilayah Timur.

Hadirin yang dihormati sekalian,

17. Oleh itu, saya berharap agar para belia di seluruh negara khususnya di Terengganu akan memanfaatkan program-program seperti Jelajah TVET Pembinaan yang dilaksanakan oleh CIDB dan juga WSMB. Dengan ini, para belia dapat bergiat aktif di dalam industri pembinaan serta menyumbang inovasi dan kemahiran mereka untuk terus memakmurkan industri negara kita.
18. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat maju jaya kepada peserta dan pihak yang terlibat dalam pertandingan WSMB. Syabas juga diucapkan kepada CIDB atas pelancaran Jelajah TVET Pembinaan Edisi Terengganu.

19. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas jemputan bagi merasmikan program ini. Ucapan syabas dan tahniah kepada penganjur yang telah berusaha keras menggembeng tenaga dalam menguruskan pertandingan ini.

20. Dengan harapan semoga segalanya dipermudahkan, sukacitanya dengan ini saya merasmikan Majlis Perasmian Jelajah TVET Pembinaan Edisi Terengganu, sempena dengan Pertandingan WorldSkills Malaysia Belia (WSMB) 2019.

Sekian, terima kasih.